

16 MAY 1996

Anwar-Yong

PERLANTIKAN YONG BELUM BOLEH DILAKUKAN KERANA URUSAN BELUM SELESAI

KUALA TERENGGANU, 16 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata hari ini perlantikan Datuk Yong Teck Lee sebagai Ketua Menteri baru Sabah belum dapat dilakukan kerana beberapa urusan belum selesai.

Anwar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sudah memberikannya beberapa arahan umum tetapi apabila beliau menelitinya, nampaknya ada beberapa urusan yang belum selesai.

"Saya akan cuba menghubungi Perdana Menteri dalam satu dua hari ini...lepas itu baru saya akan berjumpa dengan (Datuk) Yong Teck Lee," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Syarahan Darul Iman di sini hari ini.

Beliau yakin pertemuan itu akan dapat dilakukan sebelum akhir minggu ini.

Semalam Dr Mahathir menyatakan di Tokyo bahawa Yong kini boleh dilantik sebagai Ketua Menteri memandangkan beliau tidak hilang kelayakan sebagai wakil rakyat.

Yong dan empat orang lagi didenda RM1,000 semalam oleh Mahkamah Majistret Kota Kinabalu selepas mengaku bersalah menyertai perhimpunan haram semasa pilihan raya 1990. Mengikut perlembagaan Sabah, beliau boleh dilucutkan jawatan anggota Dewan Undangan Negeri sekiranya didenda RM2,000 atau lebih.

Ketika ditanya pemberita mengenai masalah yang timbul, Anwar berkata: "Ini bukan melibatkan jawatan Ketua Menteri sahaja tetapi beberapa perubahan kecil yang lain, yang terpaksa saya rujuk kepada Perdana Menteri terlebih dahulu."

Anwar menegaskan beliau akan berbincang dengan Yong selepas mendapat maklumat langsung daripada Dr Mahathir.

Yong, kini Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah, bakal menggantikan Datuk Mohamed Salleh Said Keruak mengikut sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional.

Sementara itu, ketika diminta mengulas kenyataan seorang pemimpin PAS bahawa UMNO mengkhianati orang Melayu selama 50 tahun, Anwar yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata UMNO menghormati kebebasan bersuara tetapi janganlah ke tahap yang melampau.

Beliau menegaskan PAS memilih untuk membuat teguran tetapi mengatakan UMNO telah mengkhianati orang Melayu selama 50 tahun adalah keterlaluan.

"Kenyataan itu mempamerkan keangkuhan tokoh tertentu PAS yang sama-sekali tidak menghormati perbezaan pendapat dalam Islam," katanya. --

BERNAMA

SBJ NMO